

Jenis Akhbar : Utusan Sarawak

Tarikh : 20/04/2020

Edisi / Muka Surat : Sarawak /32

Tajuk : Syarikat, koperasi diminta tanggung mesyuarat tahunan

Syarikat, koperasi diminta tanggung mesyuarat tahunan

KUALA LUMPUR: Semua mesyuarat tahunan syarikat, koperasi, persatuan atau pertubuhan perlu ditangguhkan sehingga tarikh yang akan ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), kata Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

“Semua syarikat, koperasi, persatuan serta pertubuhan perlu menang-

guhkan mesyuarat agung tahunan mereka sehingga tarikh yang ditetapkan dan dinasihatkan oleh KKM,” katanya.

Bagaimanapun, mesyuarat dijalankan secara dalam talian seperti persidangan video adalah dibenarkan, katanya dalam satu sidang akhbar, di sini, semalam.

Ismail Sabri berkata, langkah

tersebut adalah untuk mengelakkan perhimpunan beramai-ramai bagi mengadakan mesyuarat ini.

Pengumuman beliau itu tepat pada masanya ketika syarikat terutamanya syarikat senaraian awam, koperasi dan persatuan akan mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) mereka pada bulan April, Mei dan Jun ini. – Bernama



MENTERI Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob